

# USIM lancar IHRAM memperkasa industri halal

SEREMBAN 19 April - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan makmal analisis halal Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) iaitu sebuah makmal baru di bawah universiti tersebut.

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Abdul Shukor Husin (**gambar**) berkata, makmal itu mendapat kerjasama daripada syarikat Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp), bertujuan memperkasakan industri halal melalui arena bioteknologi.

"IHRAM bukan sahaja menawarkan analisis produk halal tetapi turut menekankan aspek kesedaran mengenai konsep halal melalui latihan halal umum dan praktikal mengenai makanan halal kepada industri," katanya selepas pelancaran makmal itu di Nilai, dekat sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal, Naib Canselor USIM, Datuk Muhammad Muda serta Pengarah IHRAM, Prof. Dr. Alina Abdul Rahman.

Katanya, pemilihan IHRAM sebagai lokasi makmal halal amat bertepatan kerana ia merupakan pusat kecemerlangan universiti itu dan kewujudan unit berkenaan meningkatkan lagi nilai pro-

duk, inovasi serta perkhidmatan selain mengembangkan pasaran produk bioteknologi halal serantau.

"Makmal ini juga akan membawa kesan positif terhadap penggunaan produk halal sekali gus meletakkan IHRAM sebagai peneroka dalam bidang penyelidikan halal selain dapat meningkatkan modal insan," jelas Abdul Shukor yang turut mengalu-alukan kerjasama tenaga pakar dari luar negara.

Dalam pada itu, Mohd. Nazlee berkata, bioteknologi memainkan peranan sebagai pemangkin dalam mewujudkan nilai tambah dengan menjujur kepada tiga sektor iaitu pertanian, perubatan dan per-

industrian.

"Negara ini mempunyai semua elemen dan berpotensi sebagai pusat promosi dan pengeluaran makanan halal, produk bukan makanan dan perkhidmatan lain.

"Kerjasama dengan USIM ini satu permulaan baik untuk menjadikan negara sebagai hab halal serantau," ujarnya.

Program BNP ini merupakan inisiatif BiotechCorp untuk menyokong industri bioteknologi dan sains hayat di negara ini melalui kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan penyelidikan terkini.

